



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

**PEMAKLUMAN MENGENAI SERAHAN DOKUMEN PERJANJIAN  
BAGI PROGRAM IJAZAH DALAM NEGARA (PIDN) DAN PROGRAM  
DERMASISWA B40 TAHUN 2020**

**PUSAT SERAHAN: UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM),  
SINTOK, KEDAH**

Saudara/i,

Selaras dengan pengumuman oleh YB Menteri Kanan Pertahanan pada 10 September 2020 berhubung penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (PKPD) di 28 mukim di daerah Kota Setar mulai 12.01 malam 11 September sehingga 25 September 2020, dimaklumkan bahawa sesi penyerahan dokumen perjanjian bagi pelajar Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) dan Program Dermasiswa B40 Tahun 2020 di **Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah** pada **13- 15 September 2020 DITUNDA** ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Pelajar yang berasal daripada kawasan PKPD dilarang untuk hadir ke mana-mana pusat serahan yang disenaraikan. Sebarang pemakluman akan diumumkan melalui <https://esilav2.jpa.gov.my/>.

Sekian, terima kasih.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
10 SEPTEMBER 2020